


 ipoh cargo terminal	No Rujukan : PEKELILING ICT-OP-032019
	Tarikh Kuatkuasa: 21 NOV 2019

GARIS PANDUAN

TATACARA PENGHANTARAN KONTENA IMPORT DARI PELABUHAN KLANG KE IPOH MELALUI TREN

Disediakan Oleh	Disahkan Oleh
Tandatangan: 	Tandatangan: 
Nama: NORAZAM BIN OTHMAN	Nama: HJ HILMI BIN HASAN
Jawatan: PENOLONG PENGURUS OPERASI	Jawatan: KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

SINGKATAN

FA	-	EJEN PENGHANTARAN
SA	-	EJEN PERKAPALAN
NOA	-	NOTICE OF ARRIVAL
AP	-	APPROVED PERMIT IMPORT / EKSPORT
DG	-	DANGEROUS GOODS
K8	-	BORANG IKRAR KASTAM UNTUK PEMINDAHAN KONTENA IMPORT KE IPOH
K3	-	BORANG IKRAR KASTAM UNTUK PEMINDAHAN KONTENA IMPORT KE IPOH (SABAH DAN SARAWAK)
EDO	-	ELECTRONIC DELIVERY ORDER
LTL	-	LIST TRAIN LOAD
FOL	-	KTMB FREIGHT ON-LINE SYSTEM

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan tatacara penghantaran kontena Import ke Ipoh melalui tren.

2.0 TATACARA KERJA

2.1 ICT Port Klang akan menerima permohonan import dari pihak FA / SA / Shipper berserta dokumen melalui e-mel.

2.1.1 Permohonan tersebut mestilah menyatakan butiran yang lengkap seperti berikut :

2.1.1.1 *Bill of lading*

2.1.1.2 *Commercial Invoice*

2.1.1.3 *Packing List*

2.1.1.4 Surat permohonan transshipment.

2.1.1.5 *Notice of Arrival (NOA)*

2.1.1.6 *AP(sekiranya diperlukan)*

2.1.1.7 *DG Certificate (jika perlu)*

2.2 ICT Port Klang akan menyemak semula permohonan yang telah dibuat oleh pihak FA / SA / Shipper dan akan memberi pengesahan penerimaan permohonan melalui e-mel.

2.2.1 Semua permohonan penghantaran kontena Import akan diterima **kecuali** bagi kargo seperti berikut dimana ianya perlu mendapatkan kelulusan daripada Pegawai Atasan :

2.2.1.1 *Dangerous Goods (DG)* kelas 1 dan 2.

2.2.1.2 Arak

2.2.1.3 Rokok

2.3 ICT Port Klang perlu menyemak butiran jangkaan ketibaan kapal (ETA) serta *Invoice (Local Charges)* yang dikenakan oleh SA.

- 2.4 ICT Port Klang akan menyemak dengan pihak FA / SA / Shipper melalui e-mel status bayaran *Invoice (Local Charges)* dan deposit kontena (jika ada). Pihak FA / SA / Shipper akan memaklumkan cara pembayaran samada pembayaran terus ke SA / FA / Shipper atau menyerahkan cek pembayaran kepada ICT untuk diserahkan kepada SA.
- 2.5 ICT Port Klang menyediakan Borang Ikrar (K8) dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK). ICT Port Klang menyerahkan Borang K8 kepada Pegawai Kastam yang bertugas untuk semakan arahan (samada pemeriksaan atau seal kastam) dari pihak Kastam.
- 2.6 ICT Port Klang akan menerima semua dokumen seperti perenggan 2.1.1 daripada pihak FA / SA / Shipper untuk diserahkan kepada pihak SA yang terlibat.
- 2.7 Bagi Borang Ikrar (K3 – dari Sabah, Sarawak).
- 2.7.1 Pihak FA / SA / Shipper akan menyerahkan borang K3 kepada ICT Port Klang.
- 2.7.2 ICT Port Klang akan menggunakan dokumen K3 untuk mendapatkan pelepasan kastam di terminal.
- 2.8 ICT Port Klang perlu mendapatkan *Electronic Delivery Order (EDO)* daripada pihak SA.
- 2.8.1 Pihak SA akan mengemaskini maklumat EDO di dalam sistem terminal.
- 2.9 Setelah mendapat kelulusan *EDO*, ICT Port Klang akan mendapatkan *gate pass import* menggunakan Borang Ikrar (K8 / K3) daripada pihak terminal.
- 2.10 *Gate pass* diserahkan kepada pihak terminal untuk proses pengisian kontena.
- 2.11 Pihak terminal akan membuat pengisian kontena ke atas wagon.

- 2.11.1 Sekiranya didapati terdapat kerosakan pada kontena, pihak terminal akan memaklumkan kepada ICT.
- 2.11.2 ICT Port Klang akan mendapatkan kelulusan daripada pihak SA untuk proses penghantaran.
- 2.12 ICT Port Klang akan menyerahkan borang ikrar (K8 / K3) kepada pihak Kastam untuk meterai seal Kastam (K8).
- 2.13 Borang K8 dan Senarai Kontena Pengisian (LTL) yang telah mendapatkan kelulusan akan dimasukkan ke dalam sampul yang ditandatangani oleh pihak Kastam Port Klang untuk diserahkan kepada pihak Kastam ICT Ipoh.
- 2.14 Semua dokumen tersebut akan dihantar melalui tren.
- 2.15 ICT Port Klang perlu menyediakan Borang Kiriman KTMB melalui *Freight On-Line (FOL)*.
- 2.16 ICT Port Klang akan memaklumkan kepada ICT Ipoh melalui e-mel senarai kontena yang dihantar ke ICT Ipoh.

3.0 KUATKUASA.

Pekeliling ini akan berkuat kuasa serta merta.